

22 FEB 2001
Mahathir-Pas

UMNO SEDIA TERUSKAN PERBINCANGAN TETAPI TOLAK SYARAT BARU PAS

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Umno masih bersedia mengadakan pertemuan dengan Pas mengenai perpaduan orang Melayu tetapi tidak dapat memenuhi syarat-syarat terbaru Pas kerana ia di luar bidang kuasanya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Umno bersedia berbincang tentang apa sahaja isu dengan Pas asalkan parti itu tidak meletakkan sebarang syarat.

Umno tidak dapat memenuhi syarat-syarat Pas seperti pemberian balik wang royalti (kepada Terengganu) dan penerbitan Harakah sebanyak lapan kali sebulan kerana ia bukan dalam bidang kuasa Umno walaupun Umno boleh merujuk kepada kerajaan, kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti itu di sini.

Ahad lepas, Presiden Pas Datuk Fadzil Noor mengumumkan penangguhan pertemuan yang dicadangkan itu ekoran keputusan jawatankuasa pusat parti itu.

Pas mahu Umno memenuhi tiga syarat sebelum pertemuan itu diadakan.

Syarat-syarat itu ialah membincangkan isu royalti minyak kepada negeri Terengganu, penerbitan Harakah dan menolak cadangan Umno supaya penggunaan perkataan Islam pada nama parti politik dilarang.

Fadzil disebut sebagai berkata pertemuan itu ditangguhkan kerana Pas belum menerima maklumat balas mengenai suasana kondusif yang perlu terlebih dahulu diwujudkan serta beberapa perkara teknikal yang belum selesai.

Dr Mahathir berkata pendirian Umno ialah pertemuan itu masih dianggap baik dan penting.

Sebab itulah Umno menerima syarat-syarat awal Pas seperti membincangkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dakwaan kononnya wujud penyelewengan dalam pentadbiran kerajaan dan tidak mengehadkannya kepada isu perpaduan orang Melayu.

"Tetapi syarat ini adalah syarat yang memutuskan perkara-perkara sebelumpun perbincangan diadakan. Kalau kita sudah putus sesuatu perkara, apa perlunya perbincangan... kalau satu pihak sudah dapat tuntutan mereka, apa perlunya perbincangan," katanya.

Dr Mahathir berkata MT yang membincangkan isu itu dengan panjang lebar, mahu kedua-dua pihak bertemu terlebih dahulu.

"Kita masih bersedia bertemu dan kita perlu mengetepikan segala-gala syarat dan bertemu walaupun tidak ada tajuk... tak ada tajuk pun tak apalah, kita bertemu sahaja," kata beliau.

Katanya, pertemuan itu perlu diadakan kerana yakin dapat sesuatu kebaikan daripadanya.

Ditanya apakah pendirian Umno jika Pas terus mahu tuntutannya dipenuhi terlebih dahulu, beliau berkata; "Kita berdoa dia (Pas) berlembut hati berjumpa kita."

Beliau juga berkata, walaupun pertemuan yang dicadangkan itu melibatkan orang Melayu, masyarakat bukan Melayu tidak perlu risau kerana perpaduan Melayu adalah sebahagian daripada perpaduan nasional.

Katanya, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) tidak dibelakangkan dan Umno akan terus bekerjasama dengan orang Cina, India dan pertubuhan-pertubuhan lain.

"Tujuan kita bukan bertujuan bercantum menentang orang bukan Melayu. Bahkan orang Cina pun ingin lihat jurang perselisihan orang Melayu

dikurangkan, dengan itu politik negara jadi tenang," katanya.

Dr Mahathir berkata, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob yang mengetuai pasukan teknikal Umno untuk pertemuan itu akan berhubung dengan rakan sejawatannya dari Pas, Nasharudin Mat Isa, untuk meneruskan usaha pertemuan itu.

Ditanya mengenai andaian bahawa Umno terdesak untuk mengadakan pertemuan itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu mengulas panjang kerana mahu mewujudkan suasana "kondusif" untuk pertemuan itu.

Mengenai kenyataan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor bahawa parti itu boleh meletakkan syarat kerana ia "dipinang", Dr Mahathir berkata ini bukan perkahwinan, sebaliknya Umno menyahut cadangan seorang pensyarah Universiti Utara Malaysia supaya kedua-dua parti duduk berbincang.

"Ini juga bukan soal siapa kuat kerana pilihan raya umum 1999 menunjukkan Umno masih mendapat sokongan ramai dengan kemenangan 72 kerusi parlimen berbanding 27 milik Pas," katanya.

-- BERNAMA

AR RV ES MAI